

Suzainariah bongkar rahsia ketuananan Melayu

U. M'sia m/s 12 19.6.07

LANGKAH sumbang sindirkan lantai,
Binasa badan bicara tak kawal,
Pinggirkan ketuanan negara tergadai,
Hilang maruah bangsa terjual.

**Tanah ini Tanah Melayu,
Pedagang datang ingin berniaga,
Serahkan budi bukan tanahmu,
Pertahankan negara, pertahankan hak bangsa.**

PANTUN dua rangkap ini mempunyai makna yang begitu besar kepada Suzainariah Mohd Tahir, 40, kerana pantun tersebut menggambarkan keseluruhan makna mengapa Bulan Sejarah Tanah Air diadakan.

Sejarah masyarakat Melayu, sesuatu yang tidak dapat dinafikan amat unik, berharga, luas tetapi indah tersusun rapi. Melalui Bulan Sejarah ini, kita akan menghayati semula kata-kata keramat Laksamana Hang Tuah 'Takkan Melayu Hilang di Dunia'.

Kita juga akan cuba membuktikan catatan Tom Pires bahawa 'Melaka mampu mencekik Venice' dan kita juga akan memahami daulat yang kadang-kala dianggap sebagai mitos tetapi jangan sewenang dipersenda.'

Memulakan bicara mengenai bangsa Melayu, Suzainariah begitu bersemangat. Beliau seperti mahu menitikkan air mata apabila bercerita betapa setelah mengetahui sebenarnya bangsa Melayu adalah satu bangsa yang hebat, gagah dan dikenali di seluruh pelusuk dunia.

Ibu kepada tiga orang anak, Ahmad Baihaqi, 14, Amar Bukhari, 13 dan Erina Anestasya Balqis, 9 dan suri rumah sepenuh masa ini mengetahui hakikat tersebut yang cuba diputar belitkan oleh pihak tertentu setelah mengkaji sendiri daripada akar umbi mengenai bangsa Melayu.

Mendapat dorongan daripada suami, Suzainariah yang berkelulusan Diploma in Business Studies daripada Universiti Teknologi Mara (UITM) dan pernah bekerja sebagai wakil jual beli saham di CIMB Securities memulakan kajian tersebut dengan perbelanjaan sendiri secara berperingkat-peringkat sejak dua tahun lalu.

Ikuti temu bual wartawan **MERAN ABU BAKAR** dan jurugambar **HARUN OSMAN** Bersama Suzainariah yang melingkari sejarah bangsa Melayu di seantero dunia.

Temu bual ini amat bertepatan dengan Bulan Sejarah Malaysia yang akan disambut pada bulan Ogos ini sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan.

KELUARGA: Bagaimana anda boleh terpenggil untuk membuat kajian mengenai bangsa Melayu?

SUZAINARIAH: Segala-galanya bermula secara tidak sengaja apabila anak sulung saya yang ketika itu belajar dalam darjah enam bertanya siapakah yang mengelilingi dunia. Saya menjawab, Ferdinand Magellan tetapi suami menyampuk, Panglima Awang yang menyudahkan pelayaran tersebut. Saya tak percaya tetapi suami (Abdul Zaheeb Zaid, 49) menyuruh saya mencari siapakah sebenarnya Henry The Black. Saya membaca banyak buku sejarah dan terjumpa kenyataan bahawa Henry The Black sebenarnya adalah Panglima Awang. Beliau telah ditahan oleh orang-orang Magellan, dibawa mengelilingi dunia hingga ke Filipina di mana Magellan mati dan Panglima Awang yang seterusnya menyudahkan pelayaran tersebut. Selain itu, banyak kenyataan Barat yang saya baca memuji Tanah Melayu malah amat digeruni.

Apakah catatan-catatan menarik mengenai Melayu yang anda jumpa?

SUZAINARIAH: Catatan penulis Portugis, Tom Pires yang berada di Melaka pada tahun 1509 hingga 1512 menyatakan Barat melihat Melaka sebuah empayar yang kuat dan Melaka mampu mencekik Venice. Kemasyhuran Melaka terbukti ketika itu apabila sebanyak 84 bahasa dipertuturkan di negeri itu. Satu lagi catatan daripada Francis Valentyne dari Belanda pada awal kurun ke 16 - "Sesiapa yang tidak tahu berbahasa Melayu dari Parsi hingga ke Filipina dianggap tidak berpelajaran."

Mesir pula menggelar negara kita sebagai Seme-

TAMU

nanjung Emas.

Saya hairan mengapa selama ini kita tidak mengetahui sejarah sebenar tanah air kita. Jika kita mengetahui fakta-fakta sebenar mengenai tanah air kita, pasti bangsa Melayu akan menjadi satu bangsa yang kuat dan kukuh.

Maksud anda, sebenarnya darjat bangsa Melayu terlalu tinggi dan orang Melayu harus berusaha mempertahankannya.

SUZAINARIAH: Bangsa Melayu bukan berasal dari Yunan seperti yang tercatat dalam buku sejarah tetapi asal usul Melayu Perak bermula kira-kira 10,000 tahun lalu. Fakta ini membuktikan ketuanan kita sebagai penduduk asal negara ini. Bangsa lain datang sebagai pedagang.

Boleh ceritakan berapa banyak buku sejarah yang dijadikan bahan kajian anda.

SUZAINARIAH: Saya buat rujukan pada 15 buah buku sejarah, pergi ke Perpustakaan Negara, arkib serta merujuk pada pakar sejarah seperti Prof. Datuk Ramlah Adam, pensyarah kanan sejarah Universiti Malaya (UM), Suffian Sabtu dan pengerusi Kolej Islam Melaka juga pensyarah UM, Prof. Datuk Yusuff Hashim.

Apakah yang anda ingin sampaikan kepada bangsa Melayu?

SUZAINARIAH: Kita sudah mengetahui hakikat keagungan bangsa Melayu yang setaraf dengan bangsa Barat. Selepas 50 tahun merdeka, banyak yang kita



SUZAINARIAH MOHD TAHIR

telah hilang. Oleh itu saya berasa bertanggungjawab bagi membongkar semula asal-usul dan sejarah negara yang gagah terbilang agar apa sahaja yang kita telah hilang itu dapat kita genggam semula. Paling tidak pun hak kita tidak akan terus terhakis.

Saya rasa tiada salahnya penggunaan perkataan keturunan Melayu kerana bangsa Melayu yang memulakan Tanah Melayu ini. Itu hakikatnya. Setinggi masa pelajaran seseorang itu, sehebat mana jawatan seseorang itu, dia perlu tahu sejarah asal usul bangsa dan negaranya.

Erti kedaulatan raja dan negara juga akan hanya dapat difahami dan dirasakan jika kita tahu asal usul bangsa dan negara kita. Daripada penelitian saya, anak muda begitu bersemangat apabila bercerita tentang sejarah negara tetapi pendekatan mestilah betul. Saya terharu apabila seorang anak muda menelefon saya dan suami menyatakan bahawa ini adalah pengertian sebenar sempena 50 tahun merdeka. Ia akan kekal sepanjang hayat dan dibawa turun temurun.

Apakah usaha anda ke arah menaikkan semangat orang Melayu:

SUZAINARIAH: Saya berasa bertanggungjawab untuk berkongsi bersama masyarakat Malaysia terutama golongan muda tentang siapa asal usul dan keturunan kita selama 50 tahun merdeka. Saya mahu orang Melayu bangga jadi orang Melayu dan sayang kepada tanah air. Kesedaran mengenali asal usul negara kita mesti ada pada setiap orang dan dipertahankan.

Setelah hampir 500 tahun dijajah dan dibelenggu baru kita mencapai kemerdekaan. Namun setelah 50 tahun kemerdekaan banyak yang anak bangsa dan negara telah hilang. Kehilangan bukan sahaja daripada segi budaya, pengenalan asal usul dan jati diri malah dalam erti kata sebenar generasi sekarang agak longgar pemahaman mereka mengenai asal usul negara dan bangsa.

Dalam keadaan dunia sekarang yang mempamerkan keangkuhan dan kuasa unipolar Amerika dan Barat, kekurangan fahaman dan pengisian keagungan sejarah bangsa sendiri menimbulkan rasa rendah diri dan kurang keyakinan terhadap kemampuan diri sendiri, bangsa dan negara.

Anda kata anda terlibat dengan aktiviti bulan sejarah. Boleh ceritakan mengenai aktiviti tersebut.

SUZAINARIAH: Apabila sudah mengetahui mengenai fakta keagungan Melayu, saya berbincang dengan pengerusi Bulan Sejarah, Datuk Salleh Majid bersama Timbalan Presiden, Datuk Nasaruddin Alang Saidin dan menubuhkan ahli jawatan kuasa Bulan Sejarah di mana Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penaungnya. Saya sendiri sebagai setiausaha. Dalam Bulan Sejarah, iaitu Ogos ini diadakan pelancaran buku saya 'Satu Bangsa Terbilang' yang dicadangkan diadakan di Dataran Pahlawan, Melaka serta pelancaran 13 episod dokumentari 'Lahirnya Sebuah Negara' serta pelancaran Laman Web Sejarah (yang akan menjadi ruang diskusi sejarah dalam dan luar negara).

Bagaimanapun saya berasa kecewa dan sedih kerana aktiviti bulan sejarah ini tidak mendapat sokongan penajaan daripada pihak kerajaan dan swasta.

Saya amat berharap agar dapat berjumpa dengan Perdana Menteri dan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Warisan, Datuk Dr. Rais Yatim bagi membincangkan mengenai perkara tersebut. Saya juga ingin mencari penaja yang boleh mencetak buku saya untuk diedarkan secara percuma. Segala usaha ini adalah sebagai pengisian jati diri sebenar.

Kepada pihak yang ingin memberi penajaan kepada usaha Suzainariah demi menjayakan aktiviti bulan sejarah ini boleh menghubungi beliau di talian 016-3889208 atau 019-5694011.